

Pengaruh Budaya Iban Terhadap Gaya Pembelajaran Murid Iban
(The Influence of Iban Culture on the Learning Style of Iban Students)

MARIA ANAK AHOI* & NURFARADILLA MOHAMAD NASRI

ABSTRAK

Kecemerlangan seseorang murid seringkali dikaitkan dengan pelbagai faktor. Gaya pembelajaran yang dipilih oleh seseorang murid akan dapat menentukan tahap pencapaian akademik mereka. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada budaya Iban mempunyai pengaruh terhadap gaya pembelajaran murid Iban. Kajian tinjauan dijalankan secara kuantitatif yang melibatkan seramai 151 orang murid berbangsa Iban dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 di sebuah sekolah menengah di Bahagian Serian, Sarawak. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set borang soal selidik yang mempunyai 27 item yang merangkumi demografi pelajar, dan faktor Budaya Iban iaitu Budaya Ngayau dan Budaya Beduruk. Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) 23 digunakan untuk menentukan hasil dapatan dalam analisis data. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh Budaya Ngayau min keseluruhan ialah 3.99. Manakala pengaruh budaya Beduruk pula min keseluruhan ialah 4.32. Kedua-dua budaya ini menunjukkan min keseluruhan yang tinggi. Dapat disimpulkan Budaya Iban memberikan impak yang signifikan terhadap gaya pembelajaran murid Iban.

Kata kunci: gaya pembelajaran, budaya Iban, murid Iban, Budaya Ngayau, Budaya Beduruk

ABSTRACT

A student's excellence is often associated with a variety of factors. The learning style chosen by a student will be able to determine their level of academic achievement. In accordance with that, the purpose of this study was conducted to identify whether Iban culture has an influence on the learning style of Iban students. The survey study was conducted quantitatively involving a total of 151 Iban students from Form 1 to Form 5 at a secondary school in Serian Division, Sarawak. The instrument used in this study was a set of questionnaires that have 27 items that include student demographics, and Iban Culture factors, namely Ngayau Culture and Beduruk Culture. Statistical Package For Social Science (SPSS) 23 software is used to determine the findings in data analysis. The findings of the study show that the influence of Ngayau Culture overall mean is 3.99. While the influence of Beduruk culture, the overall mean is 4.32. Both of these cultures show a high overall mean. It can be concluded that Iban Culture has a significant impact on the learning style of Iban students.

Keywords: Learning Style, Iban Culture, Iban Students, Ngayau Culture, Beduruk Culture

PENGENALAN

Kecemerlangan seseorang murid seringkali dikaitkan dengan pelbagai faktor. Salah satu faktor ialah gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dipilih oleh seseorang murid akan menentukan tahap pencapaian mereka. Hal ini kerana gaya pembelajaran yang telah dipilih dapat membimbing mereka dari aspek cara belajar (Sangeeth Ramalingam, 2014). Gaya pembelajaran murid dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru akan turut mempengaruhi tahap pencapaian mereka (Chik et al. 2018). Hal ini kerana apabila seseorang guru dapat memahami akan kewujudan kepelbagaian murid ini akan memudahkan guru-guru untuk merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Zamri, Ruslin & Mohamed Amin, 2015). Apabila gaya pembelajaran seseorang murid dikenal pasti ini dapat meningkatkan potensi seseorang dalam proses pembelajaran yang berlangsung (Honey & Mumford, 1992).

Dalam kajian ini, budaya yang difokuskan ialah budaya Iban. Antara budaya yang dipilih ialah Budaya Ngayau serta Budaya Beduruk. Dalam masyarakat Iban, budaya ngayau merupakan amalan budaya lampau yang bertujuan untuk mendapatkan kepala musuh (Jayum, 2014). Kemenangan dengan membawa balik kepala musuh yang telah dibunuh semasa ngayau akan dianggap sebagai satu pengiktirafan yang amat berprestij yang dikurniakan ke atas keberanian dan kepahlawanan lelaki Iban. Mereka akan digelar *Bujang Berani*, *Raja Berani*, atau pahlawan yang terbilang serta disegani kerana telah mencapai kejayaan dalam kegiatan ngayau. Mereka juga turut dihormati dan disegani oleh setiap lapisan masyarakat. Kejayaan membawa pulang kepala musuh ini menyebabkan mereka dianggap berani dan berstatus tinggi.

Budaya Beduruk pula secara etimologinya perkataan beduruk berasal dari perkataan “duruk” menurut kamus bahasa Iban iaitu Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011) ialah *atur pengawa rumah panjai kesuah agi digaga ba pengawa bumai betaun betulung pangan diri begintir-gintir, udah ba sepintu misah ngagai sepintu ke bukai sampaika semua orang ke enggau beduruk genap magang*. Yang bermaksud aktiviti bekerjasama dan tolong menolong tanpa mengharapkan upah mengikut giliran dalam melakukan sesuatu pekerjaan terutamanya dalam aktiviti pertanian sehingga selesai. Masyarakat Iban yang melakukan aktiviti pertanian tidak dapat dipisahkan dengan budaya beduruk kerana kegiatan pertanian melibatkan proses yang banyak dan mengambil masa yang agak panjang. Oleh itu budaya beduruk ini sangat relevan diguna pakai agar proses pertanian ini dalam dilakukan dengan lancar.

Fungsi beduruk yang menonjol ialah dapat meringankan beban pekerjaan. Aktiviti pertanian bukan aktiviti yang mudah sebaliknya memerlukan banyak proses dan tenaga kerja. Budaya beduruk dapat meringankan kerja yang berat malah dapat menyelesaikan kerja dengan cepat. Selain itu, budaya beduruk ini juga dapat mengeratkan hubungan persaudaraan. Kerjasama semasa melakukan aktiviti beduruk dapat dilihat apabila anggota yang beduruk terdiri daripada satu kelompok yang masih mempunyai pertalian darah, namun ada juga yang langsung tidak memiliki hubungan keluarga sama sekali. Pengaruh budaya ini terhadap gaya pembelajaran dalam diperhatikan dan dinilai berdasarkan amalan murid semasa proses pembelajaran berlangsung misalnya semasa menjalankan aktiviti pembelajaran yang melibatkan berkumpulan.

Budaya mampu mempengaruhi perbuatan atau amalan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi. Faktor budaya turut memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya pembelajaran kerana kepelbagaian pemikiran, sikap, nilai dan amalan dalam kalangan pelajar berlaku hasil daripada perbezaan persekitaran yang akan memberi kesan terhadap gaya pembelajaran. Menurut Chemaline Usop (2011) daya idup iaitu budaya dalam konteks kehidupan masyarakat Iban dikenali *lanting* yang bermaksud peninggalan nenek moyang dari satu generasi ke satu generasi merupakan cara hidup yang merangkumi kepercayaan tradisional yang menjadi amalan masyarakat Iban dari dahulu sehingga kini. Budaya Iban banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban. Dalam kajian ini, budaya Iban yang diamalkan murid Iban memainkan peranan sebagai faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban.

Gaya dan cara pembelajaran setiap murid adalah berbeza antara individu. Ini kerana setiap murid dilahirkan ke dunia ini mempunyai personaliti yang berbeza. Menurut Meor & Assaadah (2011) gaya pembelajaran setiap murid sememangnya telah sedia ada dalam diri masing-masing dan dipraktikkan bermula dari pendidikan awal pra sekolah sehinggalah mereka masuk ke alam universiti. Terdapat pelbagai faktor yang dapat mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Menurut Dun dan Dun (1978), unsur-unsur seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Gaya pembelajaran yang sesuai bagi setiap pelajar dapat bagi mempengaruhi serta menjamin kecemerlangan murid dalam akademik (Noorafezah, 2005). Berikut adalah penyelidikan ingin mengetahui sama ada terdapat hubungan antara faktor budaya dengan gaya pembelajaran pelajar.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti budaya Iban yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Iban. Objektif kajian ini adalah untuk: Mengenal pasti pengaruh budaya Iban (Budaya Ngayau dan Budaya Beduruk) terhadap gaya pembelajaran pelajar Iban di bahagian Serian. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru dalam menyediakan strategi pengajaran bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar. Hal ini kerana penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut gaya pembelajaran murid bukan sahaja dapat membantu guru melaksanakan PdPc dengan berkesan malah guru boleh menarik minat murid untuk belajar. Ini akan memberikan kesan yang positif terhadap prestasi murid.

Sangeeth Ramalingam (2014) mengkaji gaya pembelajaran pelajar sarjana Malaysia iaitu di institusi pengajian tinggi Malaysia. Tinjauan dilakukan kepada sekumpulan pelajar tahun akhir di universiti awam untuk meneliti gaya pembelajaran terutama visual, pendengaran, dan kinaestetik. Hasil kajian mendapati murid dari pelbagai etnik lebih suka gaya pembelajaran yang berbeza dan pilihan gaya pembelajaran dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya mereka sendiri. Jenis gaya pembelajaran yang disukai oleh murid akan menentukan tahap pemahaman mereka berkaitan dengan sesuatu mata pelajaran dan yang membawa kepada prestasi akademik mereka yang baik. Apabila gaya pembelajaran murid telah dikenal pasti akan memudahkan para pendidik di institusi pengajian tinggi kerana ini akan membantu mereka menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai di kelas bahasa mengikut gaya pembelajaran pelajar mereka.

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Ifa Afida (2012) terhadap strategi guru dalam menerapkan nilai-nilai pendidikan di SMA Negeri Yosowilangun Kabupaten Lumajang mendapati antara strategi yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai kepelbagaian budaya adalah dengan menggunakan pendekatan orientasi kurikulum yang merangkumi kurikulum dan kurikulum dalaman mengembangkan diri, pembelajaran di luar bilik darjah dan proses pembelajaran aktif serta berkumpul. Dapatan daripada kajian turut mendapati pendidikan berasaskan kepelbagaian budaya telah memberikan impak yang positif kepada murid kerana mereka telah menunjukkan sikap yang bertoleransi dan turut mengerti serta memahami cara bergaul dengan rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, bangsa, agama dan budaya.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad dan Noraziah Ali (2014) tentang faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia dijalankan

di SK Pos Brooke dan SK Pos Pulat yang terletak di Jajahan Gua Musang Kelantan pula mendapati budaya turut mempengaruhi pelajaran. Dapatan kajian mengenalpasti antara faktor memberi kesan kepada prestasi pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli ialah sikap ibu bapa yang tidak mempedulikan pelajaran anak-anak pelajar kurang motivasi untuk belajar, cabaran daripada persekitaran fizikal serta budaya yang tidak menerima pemodenan serta cabaran. Ibu bapa yang masih dibelenggu budaya tidak menerima pemodenan mempengaruhi pencapaian akademik murid. Dalam kajian ini jelas menunjukkan budaya turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Jumiya (2014) pula mengkaji masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu. Beliau telah menjalankan kajian ini di sebuah sekolah rendah di Baling, Kedah. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Kensiu dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Hasil kajian mendapati antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian murid ini ialah pengaruh bahasa ibunda, sikap murid dan ibu bapa, identiti diri, perbezaan budaya, ekonomi, gaya pembelajaran dan pengajaran, dan hubungan guru-murid. Budaya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap prestasi akademik murid.

Terdapat pelbagai kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti pengaruh budaya terhadap gaya pembelajaran pelajar. Namun, kajian yang berfokus kepada faktor budaya Iban dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Iban kurang dijalankan. Kajian ini sangat penting untuk mengetahui dengan lebih mendalam pengaruh budaya Iban yang dapat mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Hal ini kerana gaya pembelajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi akademik pelajar.

Atas faktor kekurangan kajian tentang budaya Iban mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban, maka kajian lebih lanjut akan dilakukan. Hasil daripada dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu dalam mengenal pasti pengaruh budaya Iban serta kesannya terhadap gaya pembelajaran murid Iban.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan dijalankan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan data berkaitan dengan budaya Iban yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban. Populasi dalam kajian

ini adalah murid yang berbangsa Iban dari Tingkatan 1 sehingga 5 di sebuah sekolah di Bahagian Serian. Seramai 151 orang murid telah menjadi sampel untuk menjawab soal selidik yang disediakan.

Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian kerana kajian ini berbentuk tinjauan (Chua Yan Piaw, 2012). Terdapat tiga konstruk dalam soal selidik iaitu demografi murid (7 item), Budaya Ngayau (10 item) dan Budaya Beduruk (10 item). Item bagi konstruk budaya Ngayau dan Budaya Beduruk adalah berbentuk skala likert 5 mata iaitu (5 = Sangat Setuju, 4 = Setuju, 3 = Kurang Setuju, 2 = Tidak Setuju dan 1 = Sangat Tidak Setuju). Penyelidik menggunakan item soal selidik yang dibina sendiri. Soal selidik tersebut telah melalui proses kajian rintis dan didapati sesuai digunakan. Kajian rintis dilakukan untuk terhadap 30 orang pelajar Iban untuk menguji sama ada mereka dapat memahami item-item yang disediakan. Ini juga dapat membantu pengkaji untuk mengkaji dan menyusun semula soalan- soalan selidik. Dapatan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan nilai pekali kebolehppercayaan bagi pengaruh Budaya Ngayau dan Budaya Beduruk terhadap gaya pembelajaran pelajar Iban ialah .959. Ini menunjukkan bahawa item-item yang telah diuji diterima pakai dalam proses pengumpulan data seterusnya.

Data-data yang diperolehi melalui soal selidik

dianalisis menggunakan perisian pakej statistik sosial sains versi SPSS Statistik 23. Analisis data yang terlibat dalam bahagian ini ialah statistik deskriptif yang bertujuan untuk memperihalkan set-set data mentah yang diambil dari sampel bagi memahami ciri-ciri sampel yang terpilih daripada populasi (Othman,2016). Penggunaan statistik deskriptif dapat memberikan gambaran ciri-ciri sampel yang mewakili ciri-ciri dalam populasi di mana sampel tersebut diperolehi. Dalam kajian ini, penggunaan kaedah statistik deskriptif (peratusan, min dan sisihan piawai) dapat memudahkan pentafsiran data berkaitan pengaruh budaya Iban terhadap gaya pembelajaran pelajar Iban. Ini bermakna data mentah yang diperolehi dan dikumpul melalui soal selidik dianalisis dalam bentuk frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan. Skor purata min dikategori dan diinterpretasi kepada tiga tahap (Jamil,2002). Menurut Jamil (2002), skor min 1.00 hingga 2.33 merujuk nilai min yang rendah, skor 2.34 hingga 3.66 merupakan nilai min pada tahap sederhana dan skor min 3.67 hingga 5.00 menunjukkan nilai min pada tahap tinggi.

Selain menggunakan statistik deskriptif, penyelidik turut menggunakan kaedah inferensi. Dapatan yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk min dan sisihan piawai. Data skor min diinterpretasi menggunakan interpretasi daripada Jamil,2002 bagi menganalisis data seperti dalam jadual 1.

JADUAL 1. Interpretasi skor purata min

Julat	Tahap Skor min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan mengulas dengan lebih lanjut berkenaan latar belakang responden kajian. Maklumat demografi responden kajian diperolehi daripada Bahagian A dalam soal selidik yang diedarkan.

PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan demografi responden. Terdapat 52 (34.4%) responden lelaki dan 99 (65.6%) adalah responden perempuan. Responden terdiri daripada 18 orang (18.5%) responden Tingkatan 1, 28 orang (8.5%) murid Tingkatan 2, 24 (15.9%) orang murid Tingkatan

3, 24 orang (15.9%) responden Tingkatan 4 dan 34 orang (22.5%) merupakan responden Tingkatan 5.

Dari segi asal, 95 orang (62.9%) responden berasal dari luar bandar, 34 orang (22.5%) responden berasal dari bandar dan 22 orang (14.6%) responden berasal dari pedalaman. Dari segi penjaga pula, 135 orang (89.4%) responden tinggal bersama dengan ibu bapa, 11 orang (7.3%) responden tinggal bersama datuk dan nenek dan 6 orang (3.3%) responden tinggal bersama dengan lain-lain (saudara mara, kakak atau abang).

Dari aspek pekerjaan pula ibu bapa responden bekerja 57 orang (37.7%) bekerja sebagai petani, 43 orang (28.5%) bekerja sebagai dengan kerajaan/swasta, 13 orang (8.6%) ibu bapa responden bekerja

sebagai peniaga, 38 (25.2%) orang ibu bapa responden melakukan lain-lain pekerjaan).

Akhir sekali, bahasa pertuturan yang digunakan responden di rumah ialah 124 orang (82.1%)

menggunakan Bahasa Iban, 20 orang (13.2%) bertutur menggunakan lain-lain bahasa manakala 7 orang (4.6%) responden menggunakan Bahasa Melayu ketika bertutur di rumah.

JADUAL 2. Profil responden kajian

Perkara		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	52	34.4
	Perempuan	99	65.6
Tingkatan	Tingkatan 1	18	11.9
	Tingkatan 2	28	18.5
	Tingkatan 3	24	15.9
	Tingkatan 4	47	31.1
	Tingkatan 5	34	22.5
Tempat Asal	Bandar	34	22.5
	Luar Bandar	95	62.9
	Pedalaman	22	14.6
Penjaga	Ibu bapa	135	89.4
	Datuk nenek	11	7.3
	Lain-Lain	6	3.3
Pekerjaan Ibu Bapa	Kerajaan/Swasta	43	28.5
	Petani	57	37.7
	Peniaga	13	8.6
	Lain-Lain	38	25.2
Bahasa Pertuturan	Bahasa Iban	124	82.1
	Bahasa Melayu	7	4.6
	Lain-lain	20	13.2

(N=151)

PENGARUH BUDAYA NGAYAU

Berdasarkan jadual 3, min keseluruhan ialah 3.99, iaitu berada pada tahap tinggi. Item ke 7 iaitu "*Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang*" merupakan item yang mempunyai nilai min tertinggi, iaitu 4.34 iaitu pada tahap tinggi. Selain itu, 80% responden menjawab *Sangat Setuju* item ke 7 ini. Item ke 3 "*Saya berani bersuara memberikan pendapat semasa belajar ketika perbincangan dalam kelas*" dengan min 3.39 iaitu pada tahap sederhana. Min terendah ialah item 4 iaitu "*Saya berani bersuara memberikan pendapat semasa belajar ketika perbincangan dalam kelas*" mempunyai nilai

min 3.39 namun masih pada tahap sederhana.

Rumusannya, pengaruh Budaya Ngayau yang melibatkan semangat yang bersungguh-sungguh

mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Iban.

PENGARUH BUDAYA BEDURUK

Berdasarkan jadual 4, min keseluruhan ialah 4.32, iaitu berada pada tahap tinggi. Item ke 1 iaitu "*Saya suka berkawan dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa dengan saya*" merupakan item yang mempunyai nilai min tertinggi, iaitu 4.48 iaitu pada tahap tinggi. Item ke 3 "*Saya mendapat banyak input baru tentang pelajaran apabila belajar bersama rakan*" dengan min 4.18 iaitu pada tahap rendah, namun masih berada pada tahap tinggi. Rumusannya, pengaruh Budaya Beduruk yang melibatkan hubungan yang baik antara rakan yang terdiri daripada rakan yang berlainan bangsa mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Iban.

JADUAL 3. Budaya Ngayau yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban.

Bil	Item	SS	S	KS	TS	STS	Min	SP	Tahap
		%	%	%	%	%			
1	Saya berani bertanya soalan kepada guru sekiranya tidak memahami sesuatu topik semasa belajar.	57 (37.7)	79 (52.3)	9 (6.0)	2 (1.3)	4 (2.6)	4.21	0.830	Tinggi
2	Saya berani bertanya kepada rakan-rakan sekiranya tidak memahami topik semasa belajar.	72 (47.7)	68 (45.0)	3 (2.0)	0 (0)	8 (5.3)	4.30	0.944	Tinggi
3	Saya berani bersuara memberikan pendapat semasa belajar ketika perbincangan dalam kelas.	41 (27.2)	73 (48.3)	29 (19.2)	2 (1.3)	6 (4.0)	3.39	0.936	Sederhana
4	Saya berani membantah sekiranya tidak bersetuju tentang sesuatu perkara dalam kelas.	24 (15.9)	63 (41.7)	49 (32.5)	9 (6.0)	6 (4.0)	3.60	0.960	Sederhana
5	Saya suka menjadi ketua dalam aktiviti belajar berkumpulan.	23 (15.2)	67 (44.4)	41 (27.2)	10 (6.6)	10 (6.6)	3.55	1.044	Sederhana
6	Saya suka memimpin rakan-rakan dalam aktiviti belajar berkumpulan.	37 (24.5)	79 (52.3)	23 (15.2)	5 (3.3)	7 (4.6)	3.89	0.970	Tinggi
7	Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.	80 (53.0)	57 (37.7)	6 (4.0)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.34	0.951	Tinggi
8	Saya suka bersaing untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.	51 (33.8)	68 (45.0)	22 (14.6)	2 (1.3)	8 (5.3)	4.01	1.010	Tinggi
9	Saya mempunyai semangat yang tinggi untuk berjaya	74 (49)	62 (41.1)	7 (4.6)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.29	0.949	Tinggi
10	Saya dapat menerangkan isi utama pengajaran dengan lancar.	38 (25.2)	63 (41.7)	38 (25.2)	6 (4.0)	6 (4.0)	3.80	0.993	Tinggi
Min keseluruhan							3.99	0.959	Tinggi

PERBINCANGAN

Untuk membantu murid menguasai pembelajaran mereka adalah penting untuk mengetahui gaya pembelajaran murid kerana setiap murid mempunyai pelbagai gaya pembelajaran yang tersendiri. Gaya pembelajaran yang ada dalam seseorang murid

akan bertindak dengan persekitarannya supaya memproses, mentafsir dan mendapat maklumat serta ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diinginkan. Apabila gaya pembelajaran pelajar dikenal pasti akan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Gaya pembelajaran yang sesuai bagi setiap pelajar memberikan kesan terhadap kecemerlangan

JADUAL 4. Budaya Ngayau yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban.

Bil	Item	SS	S	KS	TS	STS	Min	SP	Tahap
		%	%	%	%	%			
1	Saya suka berkawan dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa dengan saya.	100 (66.2)	39 (25.8)	4 (2.6)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.48	0.951	Tinggi
2	Saya suka belajar bersama dengan rakan-rakan yang berlainan agama dengan saya.	88 (58.3)	49 (32.5)	6 (4.0)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.38	0.959	Tinggi
3	Saya suka bergaul dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa dengan saya.	89 (58.9)	49 (32.5)	5 (3.3)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.40	0.953	Tinggi
4	Saya suka bekerjasama dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa dengan saya.	83 (55.0)	55 (36.4)	5 (3.3)	1 (0.7)	7 (4.6)	4.36	0.949	Tinggi
5	Saya suka bertolak ansur dengan rakan-rakan ketika membuat keputusan.	74 (49.0)	60 (39.7)	8 (5.3)	3 (2.0)	6 (4.0)	4.28	0.954	Tinggi
6	Saya suka membantu rakan-rakan tanpa mengharap balasan.	80 (53.0)	55 (36.4)	9 (6.0)	1 (0.7)	6 (4.0)	4.34	0.930	Tinggi
7	Saya suka membantu rakan-rakan secara sukarela.	71 (47.0)	61 (40.4)	11 (7.3)	2 (1.3)	6 (4.0)	4.25	0.947	Tinggi
8	Saya membantu rakan-rakan saya dengan ikhlas.	78 (51.7)	56 (37.1)	9 (6.0)	2 (1.3)	6 (4.0)	4.31	0.946	Tinggi
9	Saya suka belajar dalam kumpulan.	78 (51.7)	52 (34.4)	10 (4.4)	3 (2.0)	8 (5.3)	4.25	1.041	Tinggi
10	Saya mendapat banyak input baru tentang pelajaran apabila belajar bersama rakan.	63 (41.7)	69 (45.7)	10 (6.6)	1 (0.7)	8 (5.3)	4.18	0.980	Tinggi
Min keseluruhan							4.32	0.961	Tinggi

murid dalam akademik (Noorafezah, 2005). Hasil pembelajaran akan turut tercapai sepertimana yang dirancang. Malah, prestasi akademik murid akan turut dipengaruhi.

Pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi gaya pembelajaran murid dan membantu perkembangan seseorang individu. Antaranya seperti keluarga, rakan sebaya, persekitaran, motivasi dan sikap pelajar itu sendiri. Menurut Bronfenbrenner (1979; 1986; 1992) &

Morris (1998) sesebuah institusi sosial seperti sekolah dan ideologi yang berada dalam masyarakat boleh membantu perkembangan seseorang individu. Hal ini kerana dapat memberikan sokongan dan seterusnya membentuk sikap diri yang positif kepada seseorang kanak-kanak dan remaja.

Jelaslah di sini, gaya pembelajaran merupakan hasil gabungan faktor-faktor individu sendiri seperti jantina, umur personaliti, di samping pengaruh-

pengaruh warisan baka dan persekitaran iaitu pengaruh daripada cara asuhan ibu bapa, budaya dan komuniti sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa budaya merupakan satu entiti di mana elemen-elemen seperti menunjukkan hubungan yang saling bergantung antara satu sama lain. elemen seperti bahasa, jantina, agama, dan etnik (Hall & Hall, 1990). Sebahagian daripada budaya dapat mempengaruhi tingkah laku manusia dalam pelbagai cara. Orang yang tergolong sama budaya boleh berkongsi cara berfikir, nilai dan kepercayaan yang sama (Hale-Benson, 1986).

PENGARUH BUDAYA NGAYAU TERHADAP GAYA PEMBELAJARAN MURID IBAN

Dalam kajian ini menunjukkan budaya *ngayau* mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban kerana murid mempunyai semangat bersungguh-sungguh dalam usaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam pelajaran. Persekitaran keluarga dan tempat tinggal mempengaruhi gaya pembelajaran murid kerana sifat kesungguhan, keberanian dan persaingan ini sesungguhnya tertanam dalam diri murid sejak dari kecil oleh ibu bapa atau datuk nenek melalui budaya *ngayau* yang diamalkan oleh nenek moyang pada suatu masa dahulu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid tinggal bersama ibu bapa. Budaya *Ngayau* yang telah tertanam dalam diri ibu bapa diwariskan kepada generasi yang seterusnya iaitu kepada anak-anak. Ciri-ciri yang ada dalam budaya *ngayau* ini disalurkan kepada anak-anak melalui pelbagai medium. Antaranya melalui penceritaan, anak-anak kecil ini juga akan diceritakan dengan pelbagai cerita dan mitos berkaitan dengan dewa-dewa perang yang berjaya membawa pulang hasil perang mereka iaitu kepala musuh semasa pergi *ngayau* (Anna, 2011). Keadaan ini akan menyemarakkan lagi semangat anak-anak mereka apabila mereka mengetahui kejayaan dalam persaingan membawa balik kepala musuh akan menyebabkan seseorang itu dipandang tinggi dalam masyarakat.

Walaupun zaman telah berubah dan masyarakat Iban telah mengalami proses modenisasi serta mempunyai pegangan agama masing-masing namun semangat keberanian, persaingan serta kepimpinan yang ada dalam budaya *ngayau* tetap ada dalam diri pelajar. Tambahan pula dengan semangat etnik Iban sendiri yang amat menyanjungi kepahlawanan Rentap dan elemen perjuangannya yang berpegang teguh kepada konsep *Agi Idup Agi Ngelaban* (Noviatin Syarifuddin, 2017). Semangat persaingan yang hebat dalam kalangan orang Iban telah wujud melalui budaya

lampau seperti perlumbaan mendapat kepala musuh dalam amalan *ngayau*, semasa merintis petempatan baharu dan mencari harta kemewahan seperti hasil tuaian padi (Jayum (2014).

Semangat persaingan yang hebat untuk mendapatkan sesebuah kejayaan jelas terdapat dalam dapatan kajian iaitu item ke-7, “*Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang*” yang menunjukkan semangat persaingan dalam mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam pelajaran dalam kalangan pelajar Iban. Apabila seseorang pelajar itu berjaya dalam pelajaran mereka akan dipandang tinggi dalam masyarakat.

Jelaslah, persekitaran yang dikelilingi dengan ibu bapa serta datuk nenek yang mempunyai aura semangat persaingan dan keberanian daripada budaya *ngayau* ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi pelajar Iban agar tidak mudah berputus asa apabila menghadapi kegagalan dalam usaha untuk mendapatkan kejayaan dalam pelajaran.

PENGARUH BUDAYA BEDURUK TERHADAP GAYA PEMBELAJARAN MURID IBAN

Budaya *beduruk* turut mempengaruhi gaya menunjukkan impak yang tinggi kepada gaya pembelajaran murid Iban. Dapatan kajian menunjukkan murid Iban suka berkerjasama dengan rakan yang terdiri daripada berlainan bangsa. Ini dipengaruhi oleh budaya masyarakat Iban yang melakukan aktiviti bekerjasama dan tolong menolong mengikut giliran dalam melakukan sesuatu pekerjaan terutamanya dalam aktiviti pertanian sehingga selesai. Segala aktiviti yang dilakukan adalah ibarat *membalas* yang melibatkan lebih dari satu pihak. Semangat bekerjasama dan berpasukan ini wujud dalam aktiviti komuniti rumah panjang yang amat mementingkan aktiviti kemasyarakatan dan suka bergotong royong dalam melakukan sesuatu perkara (Adeline Annet et al, 2015). Budaya ini diamalkan bukan sahaja semasa melakukan aktiviti pertanian di sawah, malah turut dilakukan semasa majlis-majlis keramaian. Menurut Schein (2004) dan Peterson (1998), budaya mampu mempengaruhi ahli dalam sesebuah organisasi untuk berfikir dan bertindak balas terhadap persekitaran dan seterusnya menstabilkan dan memberikan makna kepada organisasi tersebut.

Budaya *beduruk* ini juga dapat mengeratkan hubungan persaudaraan. Kerjasama semasa melakukan aktiviti *beduruk* dapat dilihat apabila anggota yang *beduruk* terdiri daripada satu kelompok yang masih mempunyai pertalian darah, namun ada juga yang langsung tidak memiliki hubungan keluarga sama

sekali. Hal ini menunjukkan bahawa *beduruk* terbuka kepada sesiapa sahaja. Hal ini ditegaskan oleh Eva Maryamah (2016), budaya sekolah dapat meningkatkan kepuasan bekerja, mengeratkan hubungan dan meningkatkan tahap disiplin, dan menyebabkan murid akan sentiasa ingin lebih proaktif, terus belajar dan mempunyai prestasi yang tinggi dalam pelajaran. Ini selaras dengan kajian Sangeeth Ramalingam (2014) mendapati pelajardi pelbagai etnik lebih suka gaya pembelajaran yang berbeza dan pilihan gaya pembelajaran dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya mereka sendiri. Jenis gaya pembelajaran yang disukai oleh murid akan menentukan tahap pemahaman mereka berkaitan dengan sesuatu mata pelajaran dan yang membawa kepada prestasi akademik mereka yang baik.

Budaya mempengaruhi cara atau amalan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi seterusnya menyatukan mereka (Deal&Peterson, 1999). Melalui budaya *beduruk* ini, murid mudah bekerjasama dan bersifat terbuka ketika bersama dengan rakan-rakan yang terdiri daripada kepelbagai budaya, adat resam agama dan bangsa. Sifat keterbukaan merupakan sikap menghargai martabat dan memandang orang lain sebagai saudara dan ahli keluarga sendiri. Murid akan menghormati guru-guru serta rakan-rakan di sekolah sepertimana pergaulan yang berlaku dalam komuniti Iban dalam lingkungan tempat tinggal mereka iaitu di rumah panjang.

Guru dapat mengenal pasti dan memerhatikan pengaruh budaya *beduruk* terhadap gaya pembelajaran murid Iban ini melalui aktiviti pembelajaran yang berlangsung dalam kelas lebih-lebih lagi melalui aktiviti berkumpulan iaitu pembelajaran kooperatif dan kolaoratif. Ini menunjukkan bahawa murid mempunyai kemahiran sosial .Di sinilah akan terpancar sikap bekerjasama, bertolak ansur, bantu-membantu serta hormat menghormati dalam kalangan murid dapat dikenal pasti. Sikap-sikap ini dipengaruhi oleh budaya di rumah panjang yang mempunyai sikap “berbahagi” iaitu saling berkongsi yang melambangkan keakraban hubungan. Hamidah Sulaiman et. al., 2013; dan Mahdum, 2014) menyatakan bahawa kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting kepada mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Perubahan positif dalam kemahiran sosial dan interpersonal yang dipelajari merupakan hasil pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pencapaian akademik murid.

KESIMPULAN

Melalui dapatan kajian ini, dapat disimpulkan

bahawa budaya *Ngayau* dan budaya *beduruk* sama-sama mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban. Budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat mempengaruhi kehidupan seharian murid di sekolah. Pembelajaran yang berlaku secara berulang-ulang dalam sesebuah kehidupan manusia akan mematangkan seseorang manusia. Pengalaman tersebut akan membentuk keperibadian seseorang individu seterusnya digunakan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan membentuk kualiti sebagai seseorang manusia (Abdul Talib et.al, 2012). Pengalaman dalam kehidupan seharian dan pengamalan budaya murid yang tinggal bersama ibu bapa memberikan kesan kepada gaya pembelajaran mereka. Hampir kesemua responden tinggal bersama dengan ibu bapa. Hubungan yang rapat dengan keluarga merupakan satu proses sosialisasi yang memberikan kesan mendalam kerana ini merupakan impak pengamalan budaya ini dalam keluarga itu sangat kuat. Sebagai seorang murid, budaya ini mempengaruhi kehidupan murid di sekolah. Mereka mengamalkan budaya ini tidak kira di dalam atau di luar bilik darjah. Hal ini jelas ditunjukkan oleh jawapan responden yang mencapai skor min yang tinggi dan sangat tinggi.

Kedua-dua budaya ini memberikan impak yang besar kepada gaya pembelajaran serta prestasi akademik murid. Menurut Oktavian Mantiri (2013) budaya mempunyai pelbagai aspek seperti budaya individu seseorang murid, latar belakang keluarga, dan tahap sosioekonomi yang akan mempengaruhi pembelajaran. Apabila guru menyedari kecenderungan gaya pembelajaran pelajar, maka pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan berkesan dapat dipraktikkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang lebih baik. Kaedah serta strategi pengajaran guru yang berkesan perlu digunakan agar bersesuaian dengan murid mereka. Oleh itu, guru perlu mengetahui kepelbagaian budaya yang mempengaruhi gaya pembelajaran di bilik darjah mereka kerana pengalaman hidup serta nilai-nilai budaya seseorang mempengaruhi proses pembelajaran serta akademik murid. Hal ini kerana gaya pembelajaran telah dikenal pasti merupakan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran murid (Mohd.Nor & Hazwani, 2007).

Kajian ini memberikan implikasi kepada pelbagai pihak seperti Antaranya murid, guru, pihak pentadbir sekolah, jabatan serta kementerian. Dapatan kajian mendapati gaya pembelajaran murid Iban dipengaruhi oleh budaya Iban. Murid seharusnya memelihara budaya bangsa. Hal ini kerana budaya mampu mempengaruhi kehidupan seharian tidak kira di mana-mana sahaja seperti di rumah dan di sekolah. Sesetengah budaya yang diwarisi dari nenek moyang

mampu mempengaruhi seseorang murid sekiranya diamalkan. Secara tidak langsung budaya positif yang diamalkan akan memberikan impak kepada prestasi akademik murid.

Selain itu, kajian ini juga memberikan impak yang besar kepada guru. Guru perlu mengetahui faktor yang dapat mempengaruhi gaya pembelajaran murid Iban. Apabila seseorang guru mengetahui faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid maka PdPc dapat dilakukan dengan lancar. Persediaan sebelum PdPc dapat dilakukan dengan dengan rapi kerana guru telah mengetahui gaya pembelajaran serta teknik yang sesuai untuk sesebuah PdPc agar berkesan. Ini akan memberikan impak terhadap prestasi akademik pelajar.

Seterusnya, pihak pentadbir harus menyediakan program yang berkesan kepada murid dan guru untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar. Faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid yang telah dikenal pasti mampu memudahkan pentadbir sekolah merangka program yang bersesuaian untuk pelajar serta guru. Secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Akhir sekali, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat merangka program serta merancang tindakan yang bersesuaian berkaitan dengan faktor budaya dan gaya pembelajaran murid..

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan responden merupakan merupakan pelajar menengah rendah dan menengah atas. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah menjalankan kajian terhadap semua peringkat pendidikan sama ada di peringkat sekolah sehingga peringkat universiti untuk mengenal pasti pengaruh budaya Iban terhadap gaya pembelajaran murid. Selain itu, dalam kajian ini, responden merupakan pelajar berbangsa Iban dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Dengan ini dicadangkan kajian lanjutan dijalankan terhadap sampel yang bukan terdiri daripada kaum Iban bagi mendapatkan respon mereka terhadap pengaruh budaya Iban terhadap gaya pembelajaran. Akhir sekali, cadangan kajian lanjutan yang seterusnya agar kajian berbentuk eksperimental dilakukan agar dapat keberkesanan budaya Iban terhadap prestasi akademik pelajar.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ini ditujukan kepada Fakulti Pendidikan, UKM dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Talib Hashim, Amir Hasan Dawi, Hamidah Yusuf & Zahari Suppian. 2012. Gaya pembelajaran pelajar tingkatan enam di Malaysia. *Jurnal Bitara* Vol. 5
- Adeline Annet Anak Nyanggau, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. 2015. Pergaulan dalam komuniti rumah panjang dan hubungannya dengan tingkah laku pelajar Iban. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Kali Ke-7, 2015*. Bangi: Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali, Ismail. 2013. Perburuan Hamba, Perlanunan dan kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: perspektif sejarah maritime No. Vol 1
- Anna Durin, Zarina Mohd. Shah. Bernice Helena & Mohd. Ghazali Abdullah. 2011. Pengaruh ngayau atau headhunting dalam penciptaan motif-motif tekstil pua kumbu masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Melayu* (7):303-316
- Azizi Yahaya & Nurfaizah Abd. Majid. 2011. Hubungan antara budaya formal pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of education Psychology and Counseling*, (2):78-112
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1986. Ecology of the family as a context of human development. *Research Perspective. Developmental Psychology*, (22): 723-724.
- Bronfenbrenner, U. 1992. Ecology systems theory. dlm R.Vasta (eds), *six theories of child development: revised formulations and current issues*, vol. 6, ms187-249. London, England: Jessica Kingsley Publishers, LTD.
- Bronfenbrenner, U & Morris, P.A. 1998. The ecology of development processes. Dalam R.N Lerner & W. Danon (Eds). *Handbook of child psychology* vol. 1. Theoretical models of human development, ms. 993-1028. New York: Wiley
- Chemaline Anak Osup. 2011. *Waris daya idup Iban Vol I (Warisan Budaya Hidup Iban)*. Pegari Iban Production.
- Chemaline Anak Osup. 2011. *Waris daya idup Iban Vol IIV (Warisan Budaya Hidup Iban)*. Pegari Iban Production.
- Deal, T. E., & Peterson, K. D. 1999. *Shaping school culture: The heart of leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Eva Maryamah. 2016. Pengembangan budaya sekolah. *TARBAWI* 2(02). FTK IAIN SMH Banten.
- Fransiskus Gregorius Nyaming. 2019. Tentang harmoni antara Tuhan, manusia dan alam tradisi beduruk di Dusun medang. Sekolah Tinggi Faisalat Teologi. Widya Sasana. Malang.
- Gregorc, A.F. 1979. *Learning/teaching styles: their nature and effects*. In J.W. Keefe (ed.), *Student learning Styles: Diagnosing and prescribing programs*. Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- Hale-Benson, J. E. 1986. *Black Children: Their*

- Roots, Culture, and Learning Styles*. Baltimore, Maryland: The Johns Hopkins University Press.
- Hamidah Sulaiman, Afandy Sutrisno Tanjung, Norfaezah Md. Khalid, Norsafatul Aznin A. Razak & Nor Hasbuna Salleh. 2013. Kecergasan emosi dalam meningkatkan keperibadian remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (3) 28-33
- Harris, M. 1969. Monistic Determinism: Anti Service. *Southwestern Journal Anthropology*, 25(2): 198-206.
- Harry Usup Umbar. 2015. *Dayak Iban Borneo II: Sejarah Bansa Dayak, Iban Kuching*. Syarikat Sg. Teras Gerempung SIWA (Penulis Iban Sarawak).
- Janang Anak Ensiring et al. 2011. *Bup sereba reti jaku iban*. Tun Jugah Foundation.
- Jayum A. Jawan & Victor T. King. 2004. *Ethnicity & electoral politics in Sarawak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahdum. 2014. Pembangunan dan penilaian keberkesanan CIRCOM ke atas motivasi, pemikiran kritis, kemahiran sosial dan pencapaian bahasa inggeris pelajar SMP Pekan Baru, Riau. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Melling, Joshua. 1988. *Adat resam penduduk Sarawak: Aspek sosial kebudayaan dan keagamaan masyarakat Iban di Sarawak*. Kuching: Kerajaan Negeri Sarawak
- Mok Soon Sang. 2008. *Pedagogi untuk pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd. Puchong, Selangor.
- Morris, A. B. 1995. The Catholic school ethos – its effect on post-16 student academic achievement. *Educational Studies* 21 (1): 67-83
- Noviatin Syarifuddin. 2016. Manifestasi legenda kepahlawanan Monsopiad sebagai identiti etnik Kadazandusun: Citra dari kacamata peribumi Penampang, Sabah. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (5): 136 - 147
- Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, Mohd Isa Hamzah. 2014. Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan islam: isu dan kepentingan. *The Online Journal Of Islamic Education*.
- Pegah Omidvar & Tan Bee Hoon. 2012. Cultural Variations In Learning and Learning Style. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*, Volume: 13 Number: 4 Article 18
- Sangeeth Ramalingam. 2014. Learning styles among Malaysian undergraduates: A survey at a Malaysian higher learning institution. MARA Poly Tech College (KPTM), Ipoh Perak, Malaysia.
- Yaakob Daud & Yahya Don. 2012. Budaya Sekolah. Kepimpinan Transformasional. *Malaysian journal of learning and instruction*. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad & Noraziah Ali. 2014. Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak orang asli malaysia: kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (5):107 - 122
- Zamri Chik, Abdul Hakim Abdullah, Habsah Muda & Istikomah. 2018. Peranan faktor demografik dalam hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran, disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Halaqa: *Islamic Education Journal*, 101-116

Maria Anak Ahoi*
450, Lorong 5B3, Taman Desa Wira,
Jalan Batu Kawa, 93250 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Nurfaradilla Mohamad Nasri
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: mariaahoi0803@gmail.com

Diserahkan: 31 Oktober 2020
Diterima: 15 Februari 2021